



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

SIARAN MEDIA

BACAAN PERTAMA RANG UNDANG-UNDANG PERHUTANAN NEGARA (PINDAAN) 2022 DI PARLIMEN

Kementerian Tenaga dan Sumber Asli telah membentangkan Rang Undang-undang (RUU) Perhutanan Negara (Pindaan) 2022 buat Bacaan Kali Yang Pertama di Dewan Rakyat pada 3 Mac 2022.

Secara amnya, RUU Perhutanan Negara (Pindaan) 2022 ini digubal bagi mencapai 4 objektif utama seperti berikut:

- (i) memperketatkan proses pewartaan keluar dan penggantian Hutan Simpanan Kekal (HSK);
- (ii) memantapkan penguatkuasaan hutan bagi membanteras kegiatan pengambilan hasil hutan tanpa kebenaran;
- (iii) meningkatkan kadar denda dan hukuman serta penalti tambahan bagi membendung kesalahan hutan yang merosakkan alam sekitar; dan
- (iv) mengatasi isu kekaburuan dan kuasa yang tidak jelas.

RUU Perhutanan Negara (Pindaan) 2022 akan menyediakan peruntukan **mengadakan penyiasatan awam** sebelum sesuatu kawasan HSK diwarta keluar dan keperluan penggantian serentak HSK yang diwarta keluar. Selain itu, RUU ini juga turut **meningkatkan kadar denda** yang boleh dikenakan atas kesalahan hutan iaitu pesalah boleh didenda sehingga RM5 juta bagi kesalahan mengambil hasil utama hutan.

RUU ini akan turut menyediakan keperluan untuk **proses pewartaan keluar dan penggantian HSK secara serentak** yang merupakan manifestasi komitmen untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada kawasan tanah negara sebagai kawasan berhutan dan dilitupi pokok-pokok. Perkara ini juga selari dengan titah Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong semasa Istiadat Pembukaan Penggal Kelima Majlis Parlimen Ke-14 iaitu pihak Kerajaan perlu mengekalkan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keluasan tanah negara dilitupi dengan kawasan berhutan dan pokok-pokok.

Secara dasarnya, **RUU Perhutanan Negara (Pindaan) 2022 merupakan model law** dan berperanan penting dalam memastikan HSK yang merupakan khazanah dan ekosistem penting kepelbagaiaan biologi negara diberikan perlindungan sewajarnya.

Dalam konteks ini, pemakaian RUU Perhutanan Negara (Pindaan) 2022 ini hanya akan terpakai di negeri-negeri setelah Dewan Undangan Negeri (DUN) meminda Enakmen Perhutanan (Pemakaian) masing-masing.

Saya berharap Kerajaan-kerajaan Negeri dapat terus memberikan sokongan kepada RUU ini bagi mencerminkan kesungguhan kita sebagai negara *megadiverse* yang bertanggungjawab dalam memelihara hutan kita selain dapat meningkatkan keyakinan rakyat dan masyarakat antarabangsa terhadap pengurusan hutan secara berkekalan di negara ini.

**YB DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN HASSAN
MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI**

4 MAC 2021

